



KEADAAN paras air di Empangan
Teluk Bahang, Pulau Pinang.

MASIH KOD MERAH

■ Air tiga empangan meningkat sedikit berikutan hujan

Siti Fatimah Hassan

sfhassan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tiga empangan yang mencatatkan paras kritikal menunjukkan sedikit perubahan di sebabkan negara sudah menerima hujan sejak be-

berapa hari lalu.

Berdasarkan laman web Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sehingga jam 1 petang semalam, paras air di tiga empangan itu iaitu Empangan Labong, Johor, Empangan Bukit Merah, Perak dan Empangan Muda, Kedah meningkat sedikit, namun masih lagi belum melepasi kod merah iaitu

40 peratus ke atas. Empangan Labong mencatatkan bacaan 11.98 peratus dengan paras air 6.16 meter, Empangan Bukit Merah dengan bacaan 18.10 peratus bersamaan 6.18 meter paras air di empangan manakala Empangan Muda pula menunjukkan bacaan 30.90 peratus yang bersamaan dengan 91.60 bacaan meter

paras air.

Peningkatan itu dapat dilihat menerusi perbandingan bacaan dicatatkan kelmarin apabila Empangan Labong menunjukkan bacaan 8.54 peratus, Empangan Bukit Merah pula dengan bacaan 18.1 peratus dan Empangan Muda dengan bacaan 30.1 peratus.

Bagaimanapun, sebuah lagi empangan yang kritikal tidak menunjukkan sebarang perubahan iaitu Empangan Bukit Kwong, Kelantan apabila bacaannya kekal pada 6.91 peratus dengan paras air 12.31 meter.

Sementara itu, menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), cuaca panas aki-

bat fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini dijangka kembali normal menjelang akhir Mei.

Ia susulan keadaan cuaca lembap dengan hujan dan ribut petir yang berlaku pada sebelah petang di kebanyakan kawasan yang dijangka mengurangkan kesan suhu panas secara beransur-ansur.